35

NO SOALAN :22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**17.03.2015**

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan GST kepada rakyat Malaysia, bagaimana BR1M sedia untuk membantu. Apakah impak kemerosotan nilai ringgit terhadap masyarakat, dan langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

GST dilaksanakan agar sistem percukaian negara lebih efektif, efisyien

dan telus. Oleh itu, rakyat akan mendapati harga yang dibayar lebih telus di mana mereka tahu berapakah jumlah cukai yang perlu dibayar. Selain itu, struktur GST yang bersifat progresif akan memberi kebaikan kepada golongan berpendapatan rendah.

2. Bagi memastikan GST tidak membebankan rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan seperti berikut:

i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas BR1M sedia ada secara *one-off*;

ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan; dan

iii. Cukai pendapatan individu juga akan distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000.

3. Selain itu, pelbagai barangan dan perkhidmatan asas juga tidak dikenakan GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan,

ubatan penting Nasional dan bahan bacaan. Perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan dan pembelian rumah kediaman juga tidak dikenakan GST.

4. Kerajaan juga telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberi pelepasan GST. Ini bermakna pengguna tidak perlu membayar GST bagi pembelian produk petroluem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Seperti sistem kadar pertukaran yang lain, apabila nilai ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

6. Bagi pengimport pula, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Ini akan meyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil, memandangkan barangan import tidak termasuk petrol dan diesel mencakupi 7% daripada bakul IHP. Penyusutan nilai ringgit juga akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga bahan mentah yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah susulan kejatuhan harga minyak global dan harga komoditi. Harga minyak mentah global telah turun sebanyak 41% sementara harga makanan dunia telah turun sebanyak 8% sejak September 2014. Oleh yang demikian, kesan terhadap kos bagi pengeluar adalah terkawal. Ini ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengeluar, dengan izin *Producer Price Index*, telah menurun sebanyak 3.5% antara bulan September 2014 dan bulan Januari 2015.

7. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun

naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia akan memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Dalam jangka masa panjang, trend ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.